



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 39 (24 SEPTEMBER – 30 SEPTEMBER 2023)

6 OKTOBER 2023

---

Pada Minggu Epidemiologi ke-39 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,299 kes berbanding 2,310 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 11 kes (0.5%). Terdapat tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-39 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-39 adalah sebanyak 89,474 kes berbanding 43,544 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 45,930 (105.5%). Manakala sejumlah 65 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 26 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.


Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ini adalah 60 lokaliti berbanding 61 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 60 lokaliti yang dilaporkan, 46 lokaliti di Selangor, sembilan (9) lokaliti di WPKL &

Putrajaya, dua (2) lokaliti di Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) lokaliti di Perak, Kelantan dan Sarawak.

Bagi surveyan chikungunya, sebanyak enam (6) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-39. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 175 kes. Bagi surveyan zika, sebanyak 2,535 sampel darah dan 241 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Beberapa kawasan di Malaysia mengalami banjir akibat peningkatan curahan hujan semasa Monsun Timur Laut. Sekiranya kawasan perumahan dinaiki air, lakukan aktiviti cari dan musnah bekas-bekas pembiakan nyamuk Aedes sejurus selepas air banjir surut kerana plastik, tin-tin minuman dan bekas makanan polisterin serta sampah sarap yang dibawa air banjir dikhuatiri boleh menakung air yang seterusnya menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Lupuskan barang yang telah rosak atau yang tidak digunakan di tempat pelupusan secara berhemah. Lakukan semburan aeorsol di dalam ruangan terutamanya di tempat persembunyian nyamuk seperti di bawah katil, belakang perabot, celah langsir dan bawah meja. Selain itu juga, elakkan diri daripada gigitan nyamuk Aedes dengan penggunaan bahan repelan serta memakai pakaian yang menutup anggota badan. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN  
KETUA PENGARAH KESIHATAN  
6 OKTOBER 2023**




**Gambarajah 1:** Perbandingan kes dan kematian demam dengan Minggu Epidemiologi ke-39 dan ke-38 tahun 2023



**Gambarajah 2:** Perbandingan kes dan kematian demam dengan sehingga Minggu Epidemiologi ke-39 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-39), 2022 dan median 2018-2022**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot dengan Minggu Epidemiologi ke-39 tahun 2023**